

Sila serahkan borang yang telah dilengkapkan melalui mana-mana saluran berikut:

• Faks: 03-7946 8888

• Serahan: Any Hong Leong Bank branches

Saya ingin memohon bilangan Kad Touch 'n Go Zing seperti berikut (sila pilih 1 sahaja):

Satu Dua Tiga

Nota: Permohonan ini membentuk permohonan untuk satu Kad Zing Touch 'n Go Hong Leong jika permohonan tidak memilih jumlah Kad Zing Touch'n Go di dalam borang permohonan ini.

Bahagian A Butir-butir Peribadi Utama

Encik Puan Cik Lain-lain _____

Nama Penuh (seperti dalam K.P./Pasport)

No. K.P. Baru/Pasport

No. Kad Pemegang Utama

Cara Pembayaran

Sila debit daripada Akaun Kad Kredit Hong Leong saya seperti tertera di atas.

Bahagian B Deklarasi

Saya mengesahkan dan mengakui bahawa: (a) semua maklumat yang diberikan di atas adalah lengkap, benar dan betul; (b) Hong Leong Bank ("HLB") diberi kebenaran untuk mengesahkan maklumat daripada sebarang sumber dan cara yang dianggap wajar; (c) bahawa HLB mempunyai hak mutlak untuk melulus atau menolak permohonan saya sebagaimana dianggap wajar oleh HLB tanpa perlu memberikan sebarang sebab; (d) saya memahami bahawa sebarang ketidaktepatan atau salah nyata di dalam maklumat tersebut boleh menyebabkan permohonan saya ditolak oleh HLB; (e) dengan menandatangani borang ini, saya mengesahkan dan menerima Terma dan Syarat Kad (Kredit) Zing Touch 'n Go Hong Leong yang mengawalselia terbitan dan penggunaan Kad Kredit Zing serta Perjanjian Pemegang Kad yang mengawalselia terbitan dan penggunaan Kad Kredit; (f) saya telah membaca dan bersetuju dengan semua yuran dan caj yang berkaitan dengan Kad Kredit Zing dan memberi kebenaran kepada HLB untuk mendebit Akaun Kad HLB saya untuk yuran dan caj berkenaan; (g) RM100.00 akan didebit dari Akaun Kad saya untuk setiap tambah nilai automatik yang berjaya; (h) saya mengesahkan bahawa Kad Kredit Zing akan dihantar ke alamat pengembilan yang dinyatakan di sini dalam masa 30 hari selepas permohonan berjaya; (i) Pertukaran alamat penghantaran tidak dibenarkan; (j) saya akan memaklumkan HLB serta-merta jika Kad Kredit Zing hilang atau dicuri.

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("APK") dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan kepada Pihak Berkait ("Garis Panduan")

Untuk membolehkan HLB mematuhi APK dan Garis Panduan berkaitan, saya seharusnya memaklumkan kepada HLB sama ada saya adalah pihak berkait di bawah Garis Panduan tersebut, yang merangkumi dan tidak terhad kepada, pasangan, anak, ibu bapa atau tanggungan kewangan kepada Pengarah HLB, Pegawai Eksekutif, pegawai yang meluluskan/menilai/menyemak kredit atau untuk pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh pegawai HLB yang dinyatakan di atas. Sekiranya pada bila-bila masa saya menjadi orang berkait, saya mesti memaklumkan kepada HLB secara bertulis dengan segera. HLB berhak untuk menamatkan Kemudahan sekiranya saya gagal melakukan perakuan yang wajar atau tepat, yang menyebabkan HLB menyalahi APK atau Garis Panduan tersebut.

Hak untuk Mendedahkan Maklumat

Sebagai tambahan kepada pendedahan dibenarkan yang disediakan di bawah Jadual 11 APK, saya dengan ini memberi hak dan membenarkan secara tidak boleh batal kepada HLB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan kemudahan kad kredit saya, borang permohonan ini, akaun sedia ada dan akan datang saya dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan saya atau perniagaan dan operasinya saya kepada:

- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada saya, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia;
- (b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan HLB (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 1965), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta wakil sah mereka kepada syarikat induk HLB;

- (c) Pihak Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan kemudahan kad kredit saya;
- (d) Juruaudit HLB, peguamcara dan/atau agen lain herhubung mendapatkan semula wang yang perlu dan akan dibayar; dan
- (e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLB dan syarikat bersekutu atau berkaitannya.
- (f) Touch 'n Go Sdn Bhd dan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad akan menyediakan manfaat Perkhidmatan TNG yang berkaitan dengan Kad Kredit Zing ini.

Saya dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLB, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan Perjanjian ini.

Kebenaran untuk Notis Privasi

Saya telah membaca Notis Privasi HLB dan bersetuju bahawa semua data peribadi yang disediakan kepada HLB oleh saya dan/atau diperolehi oleh HLB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul daripada peruntukan perkhidmatan kepada saya akan tertakluk kepada Notis Privasi tersebut yang boleh dipinda dari semasa ke semasa. Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan nama dan butiran perhubungan lain kepada syarikat-syarikat di dalam kumpulan Hong Leong dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi. Salinan Notis Privasi disediakan apabila diminta atau terdapat di Laman Web HLB di www.hlb.com.my.

Nota: Pelanggan yang ingin dikecualikan daripada pekongsian data peribadi mereka di dalam kumpulan syarikat HLB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi dikehendaki menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-76268899 untuk mendaftar permintaan mengecualikan pekongsian tersebut.

Tandatangan Utama

x

Tarikh

/ /

HH

BB

TTT

Untuk Kegunaan Bank Sahaja

Diluluskan/Ditolak oleh

Kod Kelulusan

Kod Sumber

- -

Yuran*	Amaun (RM)
Yuran terbitan (setiap kad)	10
Yuran penggantian kad (setiap kad)	10
Yuran tambah-nilai automatik Touch' n Go (setiap tambahan)	2
Amaun Tambah Nilai	100 Kad akan ditambah nilai secara automatik apabila baki minima mencapai RM50

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

- A) Polisi Pemulangan Baki pada TNG Tambah Nilai Automatik:
- Permohonan untuk Kad TNG Zing yang Luput Tarikh, Hilang, Dicuri, Rosak dan Ditamatkan Sahaja
 - Tiada bayaran balik akan dibuat untuk akaun yang mempunyai perlakuan kredit yang buruk
 - Baki tidak digunakan di dalam Kad Zing akan dibayar balik ke Akaun Kad Kredit Pemegang Kad. Tiada bayaran balik tunai dibenarkan.
- B) Penamatan Kad TNG Zing
- Apabila Kad TNG Zing ditamatkan – kemudahan Tambah Nilai Automatik TNG Zing sebanyak RM100 setiap tambah nilai akan dihentikan; dan
 - Kemudahan TNG Zing akan ditamatkan
- C) Nota Khas: Makluman Mengenai Luput Tarikh, Hilang, Dicuri, Rosak, penggantian dan Penamatan
- Touch' n Go Sdn Bhd akan menyahsahkan Kad TNG Zing daripada tambah Nilai Automatik seterusnya. Bagaimanapun, Pemegang Kad dimaklumkan bahawa 24 jam diperlukan untuk menguatkuasakan nyahsah ini. Sebarang transaksi tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan Kemudahan Tambah Nilai Automatik TNG Zing yang dilakukan atau berlaku semasa tempoh 24 jam tersebut masih menjadi tanggungjawab Pemegang Kad sepenuhnya.